



### **Antara Malaysian Idol vs Akademi Fantasia?**

Apabila sebut sahaja Malaysian Idol atau Akademi Fantasia, ramai yang bertepuk tangan dan disebabkan oleh program sedemikian ini ramai dikalangan orang Malaysia telah berubah budaya dan masa terluang mereka dan berubah dari budaya timur ke barat. Apa tidaknya, kalau biasa waktu makan pukul 7.30 malam yang jelasnya pasti telah bertukar kepada jam 11.00 malam terutama pada hari Sabtu apabila AF berkemudang dan begitu waktu sembahyang orang Islam? Tidak hairanlah kalau ada Bilal yang berminat dengan AF terpaksa mempercepatkan sedikit laungan azannya hanya semata-mata untuk mengejar dan mengikuti program tersebut?

Istilah Malaysian Idol ialah Idol - berhala dan Malaysian - Malaysia, atau dengan lain perkataan 'Berhala Malaysia' dan Fantasy - khayalan atau Akademi Khayalan. Secara tidak langsung, kenyataan TPK Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengatakan program-program hiburan perlu seimbang dengan budaya timur mungkin ada rasionalnya - *kenyataan beliau pada 2/8/2005 Buletin Utama.*

Apa yang lebih menyedihkan, ada stesyen-stesyen tv lebih berani menonjolkan imej-imej yang lebih menjolok mata dan keterlaluan sehinggakan program yang ingin dipaparkan itu tersasar dari matalamat asalnya. Program televisyen seperti 'Mencari Cinta' dikatakan salah satu dari program-program yang menjolok mata sehinggakan boleh dikatakan boleh menjatuhkan aqidah seseorang.

Apa tidaknya, tidak ada batasan antara lelaki dan perempuan bergaul diantara satu sama lain. Lokasi lazim terutama dibilik-bilik hotel menjadi lumrah didalam pembikinan program ini. Skripnya juga tidak seimbang dengan budaya timur rakyat Malaysia. Stesyen-stesyen televisyen perlu memikirkan aspirasi dan budaya rakyat negara ini dan tidak hanya memikirkan keuntungan semata-mata.

Apakah yang perlu anda tahu mengenai program-program yang dipaparkan sedemikian ini semakin berleluasa ketika ini? Program seperti Akademi Fantasi, Malaysian Idol, Mencari Cinta, Explorage adalah merupakan program-program yang berkonsepkan ciplak dari program-program di negara barat. Kesemuanya ditayangkan semasa waktu-waktu umat Islam sedang dan akan melakukan sembahyang atau nak masuk waktu sembahyang.

Teguran yang diketengahkan oleh YB Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai sebilangan program-program tersebut perlu difikirkan secara rasional dan terbuka dan mungkin ada juga kebenarannya.

Dalam satu soal yang lain, kita percaya anasir-anasir bukan Islam juga seperti Yahudi dan sebagainya sedang mencari jalan untuk menghancurkan umat Islam dengan pelbagai cara yang mereka ketahui. Penggunaan kekerasan seperti senjata dan sebagainya pasti akan mengakibatkan peperangan dan tentunya umat Islam

akan bangkit dan kemenangan memihak kepada umat Islam kerana peperangan menentang anasir-anasir kafir dianggap jihad.

Tetapi anasir-anasir kafir banyak membuat kajian dan sandaran kepada sejarah kehancuran umat Islam dan salah satu dari senjata paling berkesan untuk menghancurkan umat Islam adalah melalui hiburan. Hiburan-hiburan seperti heavy metal, punk dan hiburan-hiburan yang lain dan mengasyikkan itu telah meresap kedalam sanubari generasi muda Islam termasuk yang dewasa. Ramai yang menjadi fanatik dan taksab dengan budaya dan ideologi yang dibawanya.

Secara senyap dan secara halus, budaya penghakisan mentaliti Islamik sedang dilaksanakan oleh mereka yang anti-Islam melalui konsep hiburan ini. Seperti program Akademi Fantasia, Malaysian Idol ataupun Mencari Cinta atau Explorage, setiap penonton akan berkejar-kejar ke kaca televisyen hanya semata-mata untuk dapat menonton program-program ini. Ketaksuban mereka ini bukan sahaja menyalahi aqidah dan ketakwaan kepada Islam dan satu pembaziran.

Apa yang orang TV tak dapat, dapat dirasai oleh penonton yang perihatin. Bertakwalah kepada Allah swt dan setiap program yang hendak ditayangkan itu perlu diperhalusi matalamat yang dikehendaki. Yang jelas, penonton bukan sahaja dalam kerugian tetapi ia sedikit sebanyak akan mengubah budaya hidup remaja Islam di Malaysia. Yang untuk ialah syarikat yang menaja.

---

Copyright © 2006 [suarajohor.tripod.com](http://suarajohor.tripod.com). All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.